

## Projek Kongsi Rezeki UMP Bantu Pelajar



Pekan, 4 Januari- Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) Universiti Malaysia Pahang (UMP) melaksanakan Program Kongsi Rezeki: *Cheap Lunch Take Away* sebagai usaha membantu pelajar mendapatkan bantuan makanan tengah hari yang diagihkan dengan kadar harga RM1 sahaja.

Program Kongsi Rezeki ini yang dijalankan ini mendapat kerjasama pihak kafeteria universiti yang menyediakan sebanyak 400 pek makanan untuk diagihkan kepada para pelajar UMP serentak di kedua-dua kampus UMP di Gambang dan Pekan khususnya kepada pelajar yang mempunyai masalah kewangan yang kritikal dan layak menerima manfaat ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, pihak JHEPA mengharapkan sumbangan ini dapat mengurangkan beban pelajar dan membantu golongan yang kurang berkemampuan.

"Program sebegini juga dapat memberi kesedaran kepada warga UMP sekaligus melahirkan rasa bersyukur di atas rezeki yang telah diberikan kepada mereka. Program ini juga sebagai menyokong usaha universiti yang memperkenalkan program MyGift UMP yang mengalakkan seluruh warga dan orang ramai menyumbang bagi membantu insan lain yang memerlukan bantuan," katanya.



Bagi Pegawai Psikologi, Nur Azila Osman berkata, kebiasaanya pelajar yang kurang berkemampuan akan mengikat perut untuk menikmati makanan kerana faktor kekurangan sumber kewangan terutamanya di hujung semester dan kita tidak mahu psikologi pelajar terganggu.

Sementara itu, Siti Norhidayah, 22 dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal yang kini menuntut di tahun ketiga berpendapat program sebegini wajar diteruskan saban tahun bagi membantu pelajar yang dari golongan susah. Selain itu, program sebegini sungguh bermakna buat pelajar walaupun sekadar memberikan sumbangan makanan namun besar ertinya bagi pelajar.

Begitu juga dengan Ashwindran Naidu A/L Sanderasagran, 24 dari Fakulti Mekanikal kini di tahun kedua pengajian menyatakan sokongan terhadap program ini yang sangat membantu para pelajar tatkala pelajar berdepan dengan musim peperiksaan. Program ini akan dijalankan selama seminggu iaitu bermula dari 4 hingga 8 Januari sempena minggu peperiksaan.

***Disediakan Bahagian Komunikasi Korporat PNC***

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 05-01-2016, 17:09:51